



ICRC

DELEGASI SERANTAU KUALA LUMPUR

FAKTA & ANGKA – SOROTAN 2016



LifChm/ICRC



Taiping Prison

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) mula menjalankan aktiviti di Malaysia sejak 1972 sebelum menubuhkan delegasi serantaunya di Kuala Lumpur pada 2001 bagi menyelia aktiviti ICRC di Malaysia, Singapura dan Brunei. Dalam usaha menggalakkan pemahaman mengenai undang-undang kemanusiaan antarabangsa (UUKA) / prinsip kemanusiaan, ICRC menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan dan Persatuan Kebangsaan, termasuk melalui Pusat Sumber Serantau ICRC yang melancarkan tugas delegasinya di seluruh Asia Pasifik. Antara skop kerja ICRC di Malaysia ialah melawat tahanan, bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk menangani masalah yang dikenal pasti semasa lawatan serta membantu tahanan migran menghubungi keluarga mereka. Di Sabah, ICRC bersama-sama Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) menjalankan aktiviti kesihatan untuk komuniti rentan.

MELAWAT TAHANAN DAN BEKERJASAMA DENGAN PIHAK BERKUASA

MELAKUKAN 50 kunjungan ke 8 penjara,
5 Pusat Tahanan Imigresen dan 1 Pusat Tahanan
Sementara di Malaysia

MENGANJURKAN beberapa bengkel
dan **taklimat** bagi kakitangan penjara dan imigresen
untuk menggalakkan dialog mengenai kebijakan tahanan
serta pengurusan pusat tahanan

MELAWAT 24,314 tahanan

MENGAGIHKAN sabun kepada 1,172 tahanan
dan **barang kebersihan peribadi**
kepada 80 tahanan wanita

Menyumbangkan peralatan
perubatan kepada 6 Pusat Tahanan Imigresen
dan 1 Pusat Tahanan Sementara



MENGEKALKAN HUBUNGAN ANTARA AHLI KELUARGA YANG TERPISAH

3,142 panggilan telefon secara terus dari 2,165 tahanan migran kepada saudara mereka

468 Mesej Palang Merah (RCM) dan 661 mesej lisan "salamat", dimana 307 RCM adalah diantara para tahanan dan saudara mereka

15 panggilan internet /Skype, 134 Mesej Palang Merah dan beberapa lisan "salamat" telah membantu tahanan di pusat tahanan Amerika Syarikat di Teluk Guantanamo untuk berhubung dengan saudara mereka

5 dokumen perjalanan ICRC telah dikeluarkan kepada 5 orang untuk membantu mereka pulang kembali dan bersatu semula dengan keluarga mereka

Pertama kali menganjurkan mesyuarat rantau Asia Pasifik mengenai migrasi bertajuk "Mobilisasi Pergerakan: Respon kemanusiaan terhadap migrasi di Asia-Pasifik", dengan kerjasama Persekutuan Antarabangsa Persatuan-Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah (IFRC) Asia Pasifik dan Jaringan Migrasi Asia Pasifik (APMN). 18 ketua dan pegawai migrasi dari pelbagai persatuan kebangsaan serantau turut hadir



MEMPROMOSIKAN UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA (UUKA)

MENYOKONG penyertaan wakil kerajaan Malaysia dalam Mesyuarat Sejagat bagi Jawatankuasa Kebangsaan dan badan-badan yang serupa mengenai UUKA di Geneva

MENGANJURKAN seminar mengenai UUKA sepanjang tahun melibatkan lebih 300 pelajar termasuk dari Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Kebangsaan Singapura

MENGANJURKAN Pertandingan Mahkamah Moot UUKA Peringkat Kebangsaan sesi ke-13 bersama dengan Universiti Malaya (UM) yang disertai 9 universiti

MENGANJURKAN Pertandingan Simulasi Main Peranan UUKA Peringkat Kebangsaan Kedua bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang disertai oleh 60 pelajar dari 9 universiti awam dan swasta

MENYOKONG penyertaan ahli akademik dan wakil kerajaan dari Malaysia dan Singapura dalam sesi UUKA bagi Asia Tenggara dan Asia Timur di Hiroshima, Jepun



Jeffrey Ong/ICRC



Satwant Singh Harbans Singh/ICRC

BEKERJA BERSAMA-SAMA MASYARAKAT MADANI



MENYERTAI beberapa mesyuarat pelbagai hala seperti Forum Ekonomi Dunia mengenai ASEAN, Dialog Shangri-La dan berucap di Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik mengenai Sekuriti Manusia. Mengasaskan dialog dengan pegawai bahagian ASEAN di Malaysia, Singapura, dan Brunei serta beberapa badan ASEAN seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Antara Kerajaan ASEAN (AICHR), Yayasan ASEAN dan Suruhanjaya ASEAN untuk Hak Wanita dan Kanak-Kanak (ACWC)



MELEBARKAN JARINGAN DIALOG bersama aktor kemanusiaan, termasuk dari badan bukan kerajaan dan akademik. Menganjurkan dialog antara agama tentang prinsip dan tindakan kemanusiaan yang disertai oleh badan bukan kerajaan



MENGUKUHKAN hubungan dengan badan pemikir seperti Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS) dan Sekolah Pengajian Antarabangsa S.Rajaratnam (RSIS) di Singapura dan Institut Kajian Asia (ARI). Menganjurkan forum UUKA bersama ISIS Malaysia yang mengumpulkan 30 pegawai kerajaan, ahli akademik, para diplomat dan aktor kemanusiaan



MENYUMBANG kepada peningkatan liputan media terhadap berita ICRC, isu dan prinsip kemanusiaan serta UUKA. Menganjurkan Pertandingan Penulis Kemanusiaan Muda bersama Kelab Akhbar Kebangsaan Malaysia, yang menarik lebih 150 penyertaan di dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris dari penulis muda seluruh Malaysia

BEKERJA BERSAMA DENGAN POLIS DAN ANGKATAN TENTERA

- Menyokong penyertaan pegawai dari Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Angkatan Tentera Singapura (ATS) di Bengkel Mengenai Peraturan Antarabangsa dalam Operasi Ketenteraan untuk pegawai kanan, kursus serantau mengenai Undang-Undang Konflik Bersenjata di Laut dan Bengkel Peraturan Bertempur (Rules of Engagement, ROE)
- Menyertai tiga latihan multinasional ketenteraan melibatkan ATM, ATS dan USPACOM
- Mengadakan taklimat mengenai UUKA dan ICRC di Kolej Staf ATS, Pusat Penyelarasan Kemanusiaan Serantau, Kolej Staf Diraja Brunei, Kolej Pertahanan ATM, Maktab Turus ATM, Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM), Pusat Peperangan Bersama (PESAMA) dan Pusat Pengaman Malaysia
- Berucap di Program Tahunan Asia Pasifik untuk Pegawai Kanan Tentera di Singapura dan meningkatkan dialog dengan pasukan komando gabungan Tentera Darat, Laut dan Udara, penasihat dan badan pemikir USPACOM
- Bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia dan mengadakan seminar serta latihan secara kerap bagi pegawai kanan polis, termasuk 3 bengkel dihadiri oleh 120 pegawai kanan daripada Pasukan Simpanan Persekutuan, Jabatan Siasatan Jenayah dan ESSCOM
- Memperkuuhkan hubungan dengan ASEANAPOL di Malaysia serta mengadakan perbincangan dengan Pasukan Polis Singapura mengenai penyertaan tetap dalam latihan Operasi Bantuan dan Membina Perdamaian yang diketuai USPACOM



Claire Servoin/ICRC

BEKERJA DENGAN SEKTOR SWASTA

MENGUKUHKAN dialog dengan sektor perniagaan dan memperluaskan rangkaian di Singapura, dan meningkatkan minat terhadap tugas dan kepakaran Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah

MENERUSKAN dialog bersama Palang Merah Singapura mengenai kerjasama strategi mengumpul dana dari sektor swasta

MEMPEROLEH sokongan kewangan untuk ICRC dan Palang Merah Singapura dari majlis makan malam amal dianjurkan oleh rumah produksi di Singapura

MENGUKUHKAN hubungan dengan CSR Asia dan Asian Venture Philanthropy Network (AVPN), memandangkan minat mereka terhadap Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah

BEKERJASAMA dengan staf Kumpulan Sokongan Korporat dalam menghalusi strategi mengumpul dana dari sektor swasta

BEKERJASAMA DENGAN PERGERAKAN PALANG MERAH DAN BULAN SABIT MERAH



BEKERJASAMA dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM), Palang Merah Singapura dan Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam untuk mempertingkatkan kefahaman mengenai UUKA, Pemulihan Pertalian Kekeluargaan (RFL) dan komunikasi awam



MENJALANKAN sesi latihan pertolongan cemas dengan kerjasama PBSMM cawangan Sabah untuk 248 penduduk dan sukarelawan. Selain itu, kempen menggalakkan amalan kebersihan dan pendidikan kesihatan turut diadakan dan membabitkan 1,459 kanak-kanak di 13 sekolah di Sabah



MENJADI PENGANJUR bersama Palang Merah Singapura dan IFRC bagi Bengkel Tindakan Kemanusiaan dan Kesihatan Semasa Kecemasan kali kedua diadakan untuk petugas kemanusiaan profesional dari Singapura dan rantau Asia Tenggara, serta meningkatkan kapasiti latihan pembangunan untuk sukarelawan Palang Merah Singapura dalam penempatan mereka di luar negara semasa situasi kecemasan



MENGKALKAN kerjasama erat dengan IFRC bagi menyelaras penyediaan kecemasan di seluruh rantau ini, termasuk dalam perkhidmatan RFL



MENGANJURKAN Mesyuarat Serantau RFL yang mengumpulkan wakil RFL dari 21 Persatuan Kebangsaan dan 19 delegasi ICRC serantau, serta penyertaan dari 3 wakil IFRC, untuk membincangkan keperluan RFL dan respon terhadap mangsa dan keluarga mereka



ICRC

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC)
Delegasi Serantau Kuala Lumpur
Unit 50-11-1, Level 11, Wisma UOA Damansara,
No. 50, Jalan Dungun, Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia
T +603 2084 1800 F +603 2084 1999
E kualalumpur@icrc.org W www.icrc.org